

10. PEROLEHAN TENDER DAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PERCETAKAN, PENGANGKUTAN DAN PENGEDARAN BUKU TEKS

**Dewan Bahasa Dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) menerima geran mengurus berjumlah RM64.09 juta dan geran berkaitan Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) berjumlah RM120.53 juta pada tahun 2019 daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bahagian Kewangan Dan Bekalan bertanggungjawab menguruskan perolehan dan pembayaran di DBP. Berdasarkan rekod DBP, perolehan secara tender dan sebut harga yang dilaksanakan di Ibu Pejabat DBP bagi tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 10.1**.

**JADUAL 10.1
PEROLEHAN TENDER DAN SEBUT HARGA BAGI TAHUN 2019**

TAHUN	TENDER		SEBUT HARGA		JUMLAH PEROLEHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
2019	6	42.37	560	30.54	566	72.91

Sumber: Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA), DBP

1.2. Pengurusan perolehan tender dan sebut harga di DBP adalah berpandukan kepada peraturan seperti berikut:

1.2.1. Tatacara Kewangan Dan Perakaunan DBP dan Surat Pekeliling Kewangan DBP Bilangan 1 Tahun 2019; dan

1.2.2. Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan selaras dengan surat Kementerian Kewangan Bil. MOF.SBM(S)600-41/1/5 (SK 2)(12) bertarikh 16 Ogos 2019, Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 dan Pekeliling Perbendaharaan WP7.5 yang menetapkan agensi yang menerima peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan secara tender dan sebut harga bagi perkhidmatan percetakan, pengangkutan dan pengedaran buku teks di DBP telah dilaksanakan selaras dengan akta dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap perolehan tender dan sebut harga bagi perkhidmatan percetakan, pengangkutan dan pengedaran buku teks yang ditawarkan pada tahun 2019. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Kewangan Dan Bekalan dan Bahagian Pengeluaran Dan Penyelarasan Penerbitan di Menara DBP, Kuala Lumpur serta Bahagian Pemasaran Dan Pengedaran di Kompleks DBP Hulu Klang.

3.2. Bilangan sampel perolehan tender dan sebut harga yang dipilih adalah seperti dalam **Jadual 10.2**.

JADUAL 10.2
SAMPEL PEROLEHAN TENDER DAN SEBUT HARGA

BIL.	NAMA KONTRAK/ PEROLEHAN	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH DAN KAEDAH PEROLEHAN	BILANGAN SYARIKAT DILANTIK	BILANGAN SAMPEL DAN AMAUN KONTRAK
1.	Perkhidmatan Mencetak, Menjilid Dan Membekalkan Buku Teks Skim Pinjaman Buku Cetak Semula Dan Buku Baharu Terbitan DBP – 21 Jenis Judul Buku	3.72	Tempoh Kontrak: 02.09.2019 - 29.02.2020 Kaedah: Sebut Harga	13	13 syarikat (100%) dengan nilai bayaran berjumlah RM3.72 juta.
2.	Perjanjian Panel Perkhidmatan Pengangkutan Buku/Majalah Terbitan DBP Di Semenanjung Malaysia, Sabah Dan Sarawak Melalui Darat, Udara Dan Laut (Kontrak Lanjutan)	-	Tempoh Kontrak: 21.08.2019 - 20.08.2020 Kaedah: Sebut Harga	15	15 syarikat (100%) dengan nilai kontrak RM1.02 juta (berdasarkan bayaran bagi tempoh 21.08.2019 - 25.08.2020).
3.	Perkhidmatan Pracetak Buku Teks Skim Pinjaman Judul Baharu Tahun 4 Dan Tingkatan 4 Kegunaan Tahun 2020	4.34	Tempoh Kontrak: 14.02.2019 - 13.02.2020 Kaedah: Tender	21	6 syarikat (28.6%) dengan nilai kontrak RM2.19 juta.
4.	Perjanjian Pengedaran Buku Teks Skim Pinjaman Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020 Dan 2021	-	Tempoh Kontrak: 17.10.2019 - 16.10.2021 Kaedah: Tender	25	25 (100%) dengan nilai kontrak RM9.72 juta (berdasarkan bayaran bagi tempoh 17.10.2019 - 31.07.2020).

Sumber: Fail Perolehan dan Baucar Bayaran, DBP

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, baucar bayaran dan dokumen berkaitan di DBP. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat

dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh melalui proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap perolehan tender dan sebut harga bagi perkhidmatan percetakan, pengangkutan dan pengedaran buku teks telah dilaksanakan mulai 21 Julai hingga 19 Ogos 2020. Maklum balas mengenainya telah diterima pada 30 September manakala Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 7 Oktober 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1 hingga 4.4.

4.1. Bayaran Penuh Berjumlah RM1.05 Juta Telah Dibuat Bagi Kontrak Yang Belum Ditandatangani Sehingga Tamat Tempoh Kontrak

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2 Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan telah menetapkan antaranya:

- a. Perenggan 4.8 menetapkan bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.
- b. Perenggan 9.19.8 menyatakan bon pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan *one-off* yang bernilai melebihi RM200,000. Bon pelaksanaan adalah 2.5% bagi kontrak kurang RM500,000 atau 5% bagi kontrak melebihi RM500,000. Berdasarkan Surat Tawaran (DBP menggunakan istilah Surat Tawaran bagi menggantikan SST) yang dikeluarkan oleh DBP, bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank atau draf bank hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran dikembalikan kepada DBP.

4.1.2. Semakan Audit setakat 19 Ogos 2020 mendapati sejumlah RM1.05 juta telah dibayar penuh kepada tiga (3) perolehan tender dan sebut harga yang melibatkan pelantikan lima (5) syarikat, iaitu Perkhidmatan Pracetak Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP), Perkhidmatan Mencetak, Menjilid Dan Membekalkan BTSP dan Panel Perkhidmatan Pengangkutan Buku/Majalah DBP pada tahun 2019 dan 2020. Semakan lanjut mendapati:

- a. **Kesemua lima (5) syarikat tersebut masih belum menandatangani dokumen kontrak bagi ketiga-tiga kontrak di atas.** DBP memaklumkan empat (4) syarikat telah menerima kontrak tersebut tetapi gagal mengemukakan semula kepada DBP untuk dimuktamadkan manakala satu (1) kontrak belum diserahkan kepada syarikat terbabit.
- b. **Sebanyak empat (4) daripada lima (5) syarikat masih belum mengemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM50,381 sehingga tamat tempoh kontrak.**
- c. **Sebanyak dua (2) kontrak yang melibatkan dua (2) syarikat telah tamat tempoh kontrak pada bulan Februari 2020 manakala satu (1) kontrak yang melibatkan tiga (3) syarikat lagi tamat pada bulan Ogos 2020.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.3**.

JADUAL 10.3
BAYARAN PENUH DIBUAT BAGI KONTRAK
YANG BELUM DITANDATANGANI SEHINGGA TAMAT TEMPOH KONTRAK

BIL.	NAMA KONTRAK	TARIKH			JUMLAH BAYARAN (RM)	CATATAN
		TEMPOH KONTRAK	KONTRAK DITANDATANGANI	BAYARAN SEHINGGA TARIKH AUDIT		
1.	Perkhidmatan Mencetak, Menjilid Dan Membekalkan Buku Teks Skim Pinjaman Buku Cetak Semula Dan Buku Baharu Terbitan DBP - Matematik Tahun 4 SK BT (BTSP & BTPT) - Cetak 397,300 Naskah Amaun Kontrak: RM672,232 Bil. Syarikat : 1	16.10.2019 - 29.02.2020	Belum ditandatangani (182 hari)	17.01.2020 (<i>lump sum</i>)	Tahun 2020: 672,232	- Bon pelaksanaan berjumlah RM33,612 belum dikemukakan oleh syarikat - Dokumen kontrak belum diserahkan oleh syarikat - Kontrak tamat pada 29 Februari 2020
2.	Perkhidmatan Pracetak Buku Teks Skim Pinjaman Judul Baharu Tahun 4 Dan Tingkatan 4 Kegunaan Tahun 2020 Amaun Kontrak: RM270,750 Bil. Syarikat: 1	14.02.2019 - 13.02.2020	Belum ditandatangani (429 hari)	07.05.2019 - 30.01.2020 (1 - 8 kali)	Tahun 2019: 216,600 Tahun 2020: 54,150	- Bon pelaksanaan berjumlah RM6,769 belum dikemukakan oleh syarikat - Dokumen kontrak belum diserahkan kepada syarikat - Kontrak tamat pada 13 Februari 2020

BIL.	NAMA KONTRAK	TARIKH			JUMLAH BAYARAN (RM)	CATATAN
		TEMPOH KONTRAK	KONTRAK DITANDATANGANI	BAYARAN SEHINGGA TARIKH AUDIT		
3.	Perjanjian Panel Perkhidmatan Pengangkutan Buku/Majalah Terbitan DBP Di Semenanjung Malaysia, Sabah Dan Sarawak Melalui Darat, Udara Dan Laut (Kontrak Lanjutan) Amaun Kontrak: RM106,986* Bil. Syarikat: 3	21.08.2019 - 20.08.2020	Belum ditandatangani (243 hari)	23.10.2019 - 17.03.2020 (1 - 6 kali)	Tahun 2019: 25,004 Tahun 2020: 81,982	- Bon pelaksanaan berjumlah RM10,000 belum dikemukakan oleh dua (2) syarikat - Dokumen kontrak belum diserahkan oleh tiga (3) syarikat - Kontrak tamat pada 20 Ogos 2020
JUMLAH KESELURUHAN					1,049,968	

Sumber: Surat Tawaran, Kontrak, Baucar Bayaran dan Senarai Baucar Mengikut Vot

Nota : *Amaun sebenar dibayar kepada 3 syarikat setakat 25 Ogos 2020

4.1.3. Pembayaran penuh terhadap kontrak yang belum ditandatangani sehingga tamat tempoh berlaku disebabkan pegawai yang meluluskan bayaran tidak menyemak salinan kontrak pada masa bayaran dibuat.

Maklum balas DBP yang diterima pada 30 September 2020

Bayaran kepada syarikat hanya dibuat selepas DBP berpuas hati dengan kerja yang dilaksanakan. Kesemua kontrak telah ditandatangani antara 4 hingga 25 September 2020. DBP akan mengemas kini daftar bon pelaksanaan bagi memastikan hanya syarikat yang telah mengemukakan bon sahaja boleh dibuat bayaran.

Pernyataan Audit | **Pembayaran penuh kepada pembekal tanpa kontrak ditandatangani terlebih dahulu adalah pembayaran yang tidak teratur.**

4.2. Sejumlah RM1.88 Juta Telah Dibayar Melebihi Tiga (3) Kali Atau Selepas Tempoh Empat (4) Bulan Bagi Kontrak Yang Lewat Ditandatangani

4.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2: Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan telah menetapkan antaranya:

- Perenggan 4.8 menetapkan bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat.

- b. Perenggan 6 (Jadual 2) menetapkan hanya kontrak bermasa dengan syarat tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan dan bayaran berkala dibenarkan sehingga tiga (3) kali selepas keluarnya SST. Bayaran berkala yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangani.
- c. Perenggan 9.19.8 menyatakan bon pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan *one-off* yang bernilai melebihi RM200,000. Bon pelaksanaan adalah 2.5% bagi kontrak kurang RM500,000 atau 5% bagi kontrak melebihi RM500,000. Berdasarkan Surat Tawaran (DBP menggunakan istilah Surat Tawaran bagi menggantikan SST) yang dikeluarkan oleh DBP, bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank atau draf bank hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran dikembalikan kepada DBP.

4.2.2. Semakan telah dibuat terhadap dua (2) perolehan tender dan sebut harga, iaitu Perkhidmatan Pracetak Buku Teks Skim Pinjaman dan Panel Perkhidmatan Pengangkutan Buku/Majalah DBP yang melibatkan 15 syarikat mendapati perkara berikut:

- a. **Sebanyak dua (2) kontrak yang melibatkan pelantikan 15 syarikat telah lewat ditandatangani selepas tempoh empat (4) bulan ditetapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 120 hingga 222 hari.**
- b. **Bon pelaksanaan berjumlah RM48,437 yang melibatkan lima (5) syarikat masih belum dikemukakan kepada DBP setakat bulan Ogos 2020 manakala dua (2) bon pelaksanaan berjumlah RM21,420 lewat dikemukakan antara 24 hingga 33 hari. Kedua-dua kontrak tersebut telah tamat tempoh pada bulan Februari dan Ogos 2020.**
- c. **Sejumlah RM1.88 juta telah dibayar kepada 15 syarikat melebihi tiga (3) kali atau selepas tempoh empat (4) bulan dengan kekerapan sehingga 42 kali sebelum kontrak ditandatangani pada tahun 2019 dan 2020.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.4.**

JADUAL 10.4
BAYARAN MELEBIHI 3 KALI ATAU SELEPAS
TEMPOH 4 BULAN BAGI KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	NAMA KONTRAK	TARIKH			AMAUN DIBAYAR (RM)	CATATAN
		KONTRAK PATUT TANDA-TANGAN	BAYARAN KEPADA SYARIKAT	KONTRAK DITANDA-TANGANI		
1.	Perjanjian Panel Perkhidmatan Pengangkutan Buku/Majalah Terbitan DBP Di Semenanjung Malaysia, Sabah Dan Sarawak Melalui Darat, Udara Dan Laut (Kontrak Lanjutan) Tempoh Kontrak: 21.08.2019 - 20.08.2020 Amaun Kontrak: RM0.91 juta* Bil. Syarikat: 11	20.12.2019	23.10.2019 - 08.07.2020 (1 - 42 kali)	16.07.2020 - 13.08.2020	Tahun 2019: 147,353 Tahun 2020: 657,807	- Bon pelaksanaan berjumlah RM15,000 belum dikemukakan oleh tiga (3) syarikat - Kontrak tamat pada 20 Ogos 2020
2.	Perkhidmatan Pracetak Buku Teks Skim Pinjaman Judul Baharu Tahun 4 Dan Tingkatan 4 Kegunaan Tahun 2020 Tempoh Kontrak: 14.02.2019 - 13.02.2020 Amaun Kontrak: RM1.65 juta Bil. Syarikat: 4	18.06.2019 dan 22.06.2019	16.05.2019 - 30.12.2019 (3 - 16 kali)	15.10.2019 - 31.12.2019	Tahun 2019: 1,079,597	- Bon pelaksanaan berjumlah RM33,437 belum dikemukakan oleh dua (2) syarikat manakala dua (2) bon berjumlah RM21,420 lewat dikemukakan oleh dua (2) syarikat. - Kontrak tamat pada 13 Februari 2020
JUMLAH					1,884,757	

Sumber: Surat Tawaran, Kontrak, Baucar Bayaran dan Senarai Baucar Mengikut Vot

Nota : *Amaun kontrak ialah amaun sebenar dibayar kepada 11 syarikat setakat 25 Ogos 2020

4.2.3. Antara faktor yang menyebabkan bayaran melebihi tiga (3) kali atau selepas tempoh empat (4) bulan sebelum kontrak ditandatangani dan bon pelaksanaan tidak/lewat dikemukakan adalah kerana pegawai di Bahagian Kewangan Dan Bekalan tidak merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2. Rujukan juga tidak dibuat terhadap salinan kontrak serta ketiadaan daftar pembayaran kontrak bagi tujuan kawalan dan pemantauan bayaran kepada syarikat.

Maklum balas DBP yang diterima pada 30 September 2020

Bayaran kepada syarikat dibuat selepas perkhidmatan disempurnakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. DBP akan memastikan pembayaran dibuat selepas kontrak ditandatangani oleh pihak syarikat seperti yang ditetapkan pekeliling. DBP akan mengemas kini daftar bon pelaksanaan bagi memastikan hanya syarikat yang telah mengemukakan bon sahaja boleh dibuat bayaran.

Pernyataan Audit | Bayaran sejumlah RM1.88 juta melebihi tiga (3) kali atau selepas tempoh empat (4) bulan sebelum kontrak ditandatangani kepada syarikat berkaitan adalah pembayaran yang tidak teratur.

4.3. Denda Berjumlah RM375,280 Tidak Dikenakan Bagi Pengedaran Buku Teks Skim Pinjaman Lewat Dari Tempoh Ditetapkan

4.3.1. Kontrak Pengedaran Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2020 dan 2021 menetapkan perkara seperti berikut:

- Klausa 4.1 menetapkan pengedar hendaklah menggunakan sepenuh daya usahanya dan bersiap sedia dalam tempoh tiga (3) hari selepas notis diterima daripada DBP untuk menghantar dan menyerahkan BTSP kepada sekolah mengikut kawasan pengedaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Klausa 8.1 menetapkan pengedar hendaklah menyerahkan bekalan BTSP kepada sekolah sebagaimana yang ditetapkan oleh DBP secara bertulis dari tarikh bekalan itu diterima oleh Pengedar atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dimaklumkan oleh DBP kepada pengedar mana yang terdahulu.
- DBP boleh mengenakan denda kepada pengedar berdasarkan peruntukan dalam kontrak bagi klausa 8.5, 8.6 dan 9.2 mengikut pengiraan formula yang ditetapkan. Berdasarkan klausa 8.5, DBP boleh mengenakan denda kepada pengedar apabila terdapat kelewatan dalam pengedaran BTSP.

4.3.2. KPM telah mengarahkan DBP untuk membuat pembekalan BTSP melalui surat KPM bertarikh 26 Jun dan 26 September 2019 seperti dalam **Jadual 10.5**.

JADUAL 10.5
TARIKH PEMBEKALAN BTSP MENGIKUT SURAT KPM

BIL.	NAMA KONTRAK	TARIKH MULA PEMBEKALAN	TEMPOH MASA PEMBEKALAN DITETAPKAN (HARI)		TARIKH AKHIR PEMBEKALAN DITETAPKAN	
			SEMANANJUNG	SABAH/SARAWAK	SEMANANJUNG	SABAH/SARAWAK
1.	Buku Cetakan Semula	08.07.2019	42	70	18.08.2019	15.09.2019
2.	Buku Terbitan Baharu	01.10.2019	42	70	11.11.2019	09.12.2019

Sumber: Surat KPM

4.3.3. DBP tidak dapat membekalkan BTSP dalam tempoh yang ditetapkan dan telah mengemukakan jadual proses percetakan dan pengedaran BTSP kepada KPM yang menunjukkan tarikh akhir pengedaran dijangka selesai adalah pada 31 Disember 2019 melalui surat rujukan DBP/539/100-1-1-158k.3(72). KPM telah mengarahkan supaya DBP menyelesaikan pembekalan buku teks ke semua sekolah di seluruh negara selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019 melalui surat rujukan KPM.600-6/1/4(33) bertarikh 12 Disember 2019.

4.3.4. Semakan sampel Sijil Akuan Penerimaan bagi empat (4) negeri yang dipilih, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Johor dan Sabah menunjukkan **terdapat BTSP bagi tahun 2020 yang diterima selepas 31 Disember 2019. Tempoh kelewatan adalah antara satu (1) hingga 186 hari. Tiada denda kelewatan dikenakan kepada pengedar bagi penyerahan BTSP selepas 31 Disember 2019.** Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 10.6**.

JADUAL 10.6
DENDA TIDAK DIKENAKAN BAGI PENGEDARAN BUKU SELEPAS 31 DISEMBER 2019

BIL.	NEGERI	PEMBEKALAN BTSP LEWAT			TARIKH SEPATUT BTSP DIHANTAR (a)	TEMPOH PEMBEKALAN (b)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (c) = (b) - (a)
		BIL. SIJIL AKUAN PENERIMAAN	BIL. NASKAH	JUMLAH PESANAN (RM)			
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	40	28,104	210,516	31.12.2019	02.01.2020 - 22.01.2020	2 - 22
2.	Johor	431	100,096	951,991	31.12.2019	05.01.2020 - 20.01.2020	5 - 20
3.	Sabah	380	157,779	1,206,051	31.12.2019	02.01.2020 - 09.03.2020	2 - 69
4.	Perak	1,356	270,903	3,494,994	31.12.2019	01.01.2020 - 04.07.2020	1 - 186
JUMLAH		2,207	556,882	5,863,552		01.01.2020 - 04.07.2020	1 - 186

Sumber: Sijil Akuan Penerimaan

4.3.5. Berdasarkan kiraan Audit, anggaran denda yang boleh dikenakan kepada syarikat adalah berjumlah RM375,280. Tempoh kelewatan dikira selepas 31 Disember 2019 hingga tarikh pembekalan disampaikan kepada sekolah seperti dalam **Jadual 10.7**.

JADUAL 10.7
ANGGARAN DENDA BAGI PENGEDARAN BUKU SELEPAS 31 DISEMBER 2019

BIL.	NEGERI	JUMLAH PESANAN LEWAT DIBEKALKAN (RM)	TARIKH SEPATUT BTSP DIHANTAR (a)	TEMPOH PEMBEKALAN (b)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (c) = (b) - (a)	ANGGARAN DENDA YANG BOLEH DIKENAKAN (RM)*
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	210,516	31.12.2019	02.01.2020 - 22.01.2020	2 - 22	11,690

BIL.	NEGERI	JUMLAH PESANAN LEWAT DIBEKALKAN (RM)	TARIKH SEPATUT BTSP DIHANTAR (a)	TEMPOH PEMBEKALAN (b)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (c) = (b) - (a)	ANGGARAN DENDA YANG BOLEH DIKENAKAN (RM)*
2.	Johor	951,991	31.12.2019	05.01.2020 - 20.01.2020	5 - 20	61,209
3.	Sabah	1,206,051	31.12.2019	02.01.2020 - 09.03.2020	2 - 69	71,888
4.	Perak	3,494,994	31.12.2019	01.01.2020 - 04.07.2020	1 - 186	230,493
JUMLAH		5,863,552		01.01.2020 - 04.07.2020	1 - 186	375,280

Sumber: Sijil Akuan Penerimaan

Nota : *Anggaran denda dikira berdasarkan klausa 8.5 kepada kontrak iaitu

$$\text{Denda} = \frac{V(T + D) \times 5\%}{T} \text{ di mana:}$$

V: nilai bekalan yang lewat dibekalkan (nilai BTSP);

T: tempoh penyerahan yang ditetapkan (pengiraan Audit adalah berdasarkan tempoh 42 hari bagi Semenanjung dan 70 hari bagi Sabah); dan

D: bilangan hari bekalan kelewatan (berdasarkan tarikh tandatangan pihak sekolah di Sijil Akuan Penerimaan).

4.3.6. DBP memaklumkan denda tidak dikenakan kepada pengedar disebabkan Mesyuarat Pengurusan DBP ke 21/2020 memutuskan **tiada sebarang denda boleh dikenakan memandangkan DBP tidak mengeluarkan notis bertulis kepada syarikat pengedar**. Mengikut DBP, notis tidak dikeluarkan kerana tempoh awal yang ditetapkan KPM tidak dapat dipenuhi disebabkan proses kerja pracetak dan percetakan mengambil masa yang lama termasuklah mendapatkan kelulusan daripada KPM sebelum sesuatu judul boleh dicetak bagi buku terbitan baharu.

4.3.7. Kelewatan pengedaran ini memberi kesan kepada sekolah yang menerima buku tersebut selepas sesi awal persekolahan tahun 2020 bermula, iaitu antara bulan Januari hingga Mac 2020. Terdapat satu (1) sekolah yang menerima buku teks pada bulan Julai 2020 di Perak berdasarkan tarikh penerimaan buku di Sijil Akuan Penerimaan dan ini boleh mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran bagi sekolah tersebut.

Maklum balas DBP yang diterima pada 30 September 2020

Pengiraan denda berasaskan formula tidak dapat dibuat kerana DBP tidak dapat mengeluarkan notis tempoh penghantaran. Hal ini kerana tempoh yang ditetapkan KPM tidak dapat dipenuhi oleh DBP kerana melibatkan proses kerja pracetak dan percetakan yang mengambil masa. Bagi memastikan pengendalian BTSP lebih cekap, DBP akan menambah baik modul BTSP dengan menyediakan kemudahan pemantauan

penerimaan BTSP di sekolah dan elemen perkiraan denda dalam Sistem Pengedaran dan Pemasaran. Selain itu, DBP akan menambah klausa berkaitan tempoh pengedaran dalam Perjanjian Pengedaran BTSP dengan mengambil kira tempoh 30 hari pembekalan BTSP ke sekolah dari tarikh stok BTSP diterima oleh pengedar daripada DBP.

Pernyataan Audit | **Denda yang tidak dikenakan merupakan kerugian hasil kepada DBP.**

4.4. Bon Pelaksanaan Berjumlah RM52,995 Tidak Dikenakan Bagi Perolehan Mencetak, Menjilid Dan Membekalkan Buku Teks Kegunaan Tahun 2020

4.4.1. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 – Perenggan 9.19.8. menetapkan bon pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan *one-off* yang melebihi RM200,000 hingga RM500,000 sebanyak 2.5% daripada harga kontrak. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 - Perenggan 4.4 pula menetapkan bagi perolehan bukan bermasa melebihi RM20,000 sehingga RM500,000 pula, agensi hendaklah mengeluarkan SST tanpa dokumen kontrak. Namun begitu, syarat penting yang tidak dinyatakan dalam format piawai SST hendaklah dimasukkan dengan jelas ke dalam Dokumen Sebut Harga (Borang Q). SST adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat.

4.4.2. Semakan Audit terhadap Perolehan Mencetak, Menjilid Dan Membekalkan Buku Teks Kegunaan Tahun 2020 bagi enam (6) judul buku berjumlah RM2.12 juta mendapati **bon pelaksanaan tidak dikenakan oleh DBP walaupun perolehan bagi setiap judul buku tersebut adalah melebihi RM200,000**. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran penuh sejumlah RM2.12 juta ini telah dibuat pada tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 10.8**.

JADUAL 10.8
BON PELAKSANAAN TIDAK DIKENAKAN OLEH DBP

BIL.	NO SEBUT HARGA	PERIHAL	AMAUN SEBUT HARGA (RM)	TARIKH SURAT PESANAN	AMAUN BON (2.5%) (RM)
1.	SH DBP 517/2019	Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Tahun 4 SK BT Cetak 417,300 Naskhah	292,110	03.09.2019	7,303
2.	SH DBP 510/2019	Reka Bentuk Dan Teknologi Tahun 4 SK BT (BTSP & BTPT) - Cetak 417,300 Naskhah	308,802	02.09.2019	7,720
3.	SH DBP 519/2019	Bahasa Arab Tahun 4 BT (BTSP & BTPT) - Cetak 373,300 Naskhah	321,038	03.09.2019	8,026

BIL.	NO SEBUT HARGA	PERIHAL	AMAUN SEBUT HARGA (RM)	TARIKH SURAT PESANAN	AMAUN BON (2.5%) (RM)
4.	SH DBP 506/2019	Pendidikan Kesenian Tahun 4 SK BT (BTSP & BTPT) - Cetak 417,300 Naskhah	325,494	03.09.2019	8,137
5.	SH DBP 518/2019	Pendidikan Islam Tingkatan 4 BT (BTSP & BTPT) - 300,300 Naskhah	405,000	03.09.2019	10,125
6.	SH DBP 513/2019	Sejarah Tahun 4 SK BK (BTSP & BTPT) - Cetak 417,300 Naskhah	467,376	03.09.2019	11,684
JUMLAH			2,119,820		52,995

Sumber: Fail Perolehan DBP

4.4.3. Punca bon pelaksanaan ini tidak dikenakan adalah kerana Bahagian Kewangan Dan Bekalan tidak mengeluarkan Surat Tawaran kepada syarikat yang berjaya. Sebaliknya, Bahagian Kewangan Dan Bekalan hanya mengeluarkan Surat Pesanan kepada syarikat yang berjaya manakala spesifikasi kerja bagi Surat Pesanan tersebut dikeluarkan oleh Bahagian Pengeluaran Dan Penyelarasan Penerbitan. Penggunaan Surat Pesanan kepada syarikat yang berjaya adalah berdasarkan kepada Perenggan 13.37 dalam Tatacara Kewangan Dan Perakaunan DBP (Tahun 2009) yang menyatakan "Bagi perolehan yang tidak menggunakan dokumen perjanjian, Surat Pesanan sahaja sudah memadai untuk digunakan oleh DBP". Bagaimanapun, perkara ini adalah tidak selaras dengan PK 4.2.

Maklum balas DBP yang diterima pada 30 September 2020

Penggunaan Surat Pesanan adalah disebabkan desakan tempoh masa penghantaran BTSP yang perlu disegerakan dan DBP perlu menguruskan kuantiti sebut harga yang banyak. Penggunaan Surat Pesanan dapat menyegerakan pelantikan syarikat. Bagaimanapun, SST telah digunakan sepenuhnya untuk semua perolehan melebihi RM20,000 mulai 14 September 2020.

Pernyataan Audit | **Bon pelaksanaan yang tidak dikutip boleh menyebabkan kepentingan DBP tidak dijamin sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap terma kontrak.**

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan DBP mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

5.1. Memastikan semua kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan dan bon pelaksanaan dikemukakan kepada DBP sebelum apa-apa bayaran dibuat.

5.2. Memastikan prosedur operasi standard bagi pengeluaran buku teks ditambah baik termasuklah melaksanakan perbincangan dengan pihak KPM dan syarikat bagi memastikan buku teks dapat dibekalkan ke sekolah sebelum sesi persekolahan bermula.

5.3. Mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang didapati cuai dalam meluluskan pembayaran yang tidak teratur.